



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

HARI KEDUA OPS BONGKAR JAS SELESAI PEMERIKSAAN KEATAS 99 BUAH KONTENA

Susunan lawatan kerja YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ke Pelabuhan Klang pada 28 Februari 2026 bagi meninjau status penahanan kontena sisa elektronik (e-waste), satu operasi khas yang dinamakan Operasi Bongkar Kontena Siri 1/2026 telah digerakkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bermula 3 Mac 2026.

Operasi ini dilaksanakan oleh JAS dengan penglibatan pegawai dari Ibu Pejabat JAS, JAS Negeri Selangor, JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan JAS Negeri Sembilan bagi memastikan pemeriksaan dijalankan secara menyeluruh, teratur dan berintegriti.

Operasi ini turut disokong oleh agensi-agensi berkaitan iaitu Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) serta SIRIM bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan secara bersepadu.

Hasil pemeriksaan operasi hari kedua ini merekodkan pemeriksaan sebanyak 99 buah kontena yang dapatannya adalah:

i. 3 Mac 2026

Sebanyak **45 kontena** telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, **40 kontena** didapati mengandungi buangan terjadual, di mana **22 kontena** dikenal pasti sebagai sisa elektronik (e-waste).

ii. 4 Mac 2026

Sebanyak **54 kontena** telah diperiksa. Hasil pemeriksaan mendapati **32 kontena** mengandungi buangan terjadual, dengan **25 kontena** daripadanya merupakan sisa elektronik (e-waste).

Kerajaan tidak akan berkompromi terhadap sebarang pelanggaran undang-undang berkaitan pengimportan buangan terjadual. Tindakan tegas akan diambil di bawah peruntukan berikut:

- i. Pengeluaran notis pemulangan semula kontena ke negara asal. **Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974** - denda maksimum sehingga RM10 juta atau penjara sehingga lima (5) tahun, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.
- ii. **Seksyen 43, Akta yang sama** - tindakan penguatkuasaan terhadap ejen atau syarikat perkapalan yang gagal mematuhi prosedur pengimportan yang ditetapkan.

Penguatkuasaan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam melindungi alam sekitar serta memastikan Malaysia tidak dijadikan destinasi pelupusan buangan haram. JAS menyeru orang ramai agar menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti pencemaran alam sekitar atau pengimportan buangan secara haram melalui saluran berikut:

 Talian bebas tol: 1-800-88-2727

 E-mel: aduan_k@doe.gov.my

 Portal e-Aduan: <https://eaduan.doe.gov.my>

JABATAN ALAM SEKITAR
4 Mac 2026

